

KEDAH DI BAWAH PENTADBIRAN THAI
DARI TAHUN 1943 - 1945

OLEH
FAUZIAH BT MD ZAIN

MINI TESIS UNTUK
SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN SYARAT - SYARAT
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA DENGAN KEPUJIAN
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PULAU PINANG
1988

UNTUK : AYAHANDA HJ MD ZAIN .
BONDA HAJJAH MAIMUNAH .
MOHD NAJIB .
MOHD NASIR .
SITI HAWA .
ZAHARAH .
NORAIN .
ABDUL HARIS .
BADRUL MUNIR .
SITI HALIMATUN SAADIAH .

Terima Kasih diatas dorongan kalian sehingga
daku berjaya mencapai matlamat utama . Sesungguhnya
daku amat menyayangi kalian semua . Semoga kita
menjadi keluarga yang paling berjaya dan
paling bahagia .

Buat Suamiku,

Terima kasih di atas kesabaranmu menunggu
daku selama empat tahun. Sesungguhnya daku
tidak akan melupakan segala pengorhananmu.

PENGHARGAAN.

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur kehadrat Ilahi yang telah memberi taufik dan hidayah kerana telah menganugerahkan kekuatan lahir dan bathin kepada saya di dalam usaha menyiapkan mini tesis ini bagi melengkapkan kertas Dokumen Dalam Sejarah Malaysia atau HSM 411 / 8 .

Pertamanya saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga terhadap penyelia saya yang dihormati iaitu Dr. Cheah Boon Kheng yang sanggup membuang masa dan berpenat lelah demi memberi panduan dan tunjuk ajar yang tidak ternilai kepada saya sehingga mini tesis ini siap. Sesungguhnya segala jasa usaha Dr Cheah akan tetap saya sanjung dan kenang setiap masa.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga saya tujukan kepada Puan Nabihah bt Hj Mohammad dari Muzium Alur Setar,Kedah yang sudi membuang masa kerana melayan saya bagi mendapatkan bahan-bahan yang penting,Kakitangan Arkib Negara Malaysia, Arkib Negara Cawangan Utara di Alur Setar,Perpustakaan Negeri Kedah serta Perpustakaan Universiti Sains Malaysia yang telah memberikan kerjasama mereka di sepanjang penyelidikan ini dijalankan.

Sekian, Terima Kasih.

KANDUNGANMUKA SURAT

1	. PENGENALAN	1 - 2
2	. BAB 1 : Hubungan Negeri Kedah dengan Thai Se belum 1943.	3 - 13
	: Corak pentadbiran Kedah sehingga 1943.	
	: Proses penyerahan Negeri Kedah kepada Thai pada 1943.	
3	. BAB 2 : Perlaksanaan pentadbiran Thai di Negeri Kedah dari tahun 1943 - 1945.	14 - 26
4	. BAB 3 : Implikasi pentadbiran Thai di Kedah dari tahun 1943 - 1945.	27 - 38
5	. KESIMPULAN	39 - 40
6	. LAMPIRAN 1	41 - 44
7	. LAMPIRAN 2	45
8	. LAMPIRAN 3	46
9	. LAMPIRAN 4	47 - 48
10	. LAMPIRAN 5	49
11	. LAMPIRAN 6	50
12	. LAMPIRAN 7	51
13	. LAMPIRAN 8	52
14	. BIBLIOGRAFI	53 - 58

PENGENALAN.

Kedah di bawah pentadbiran Thai dari tahun 1943 - 1945 adalah tajuk utama kajian saya bagi melengkapkan syarat Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian dan bagi memenuhi syarat kertas Dokumen Sejarah Malaysia,HSM 411/8.

OBJEKTIF.

Tajuk ini telah menarik perhatian dan memberi dorongan kepada saya untuk mengkaji dengan lebih mendalam tentang struktur pentadbiran Thai di Kedah sewaktu Jepun bermaharaja lela di negeri-negeri lain di Tanah Melayu seperti di Perak,Selangor, Pulau Pinang,Melaka,Johor,Pahang dan Singapura.

Saya memilih tajuk ini kerana belum ada sesiapa lagi yang membuat kajian tentangnya. Oleh itu saya merasakan tentang betapa perlunya menonjolkan pentadbiran Thai di Kedah untuk tatapan masyarakat umum khususnya masyarakat di dalam negeri Kedah Darulaman.

Disamping itu saya juga bernasib baik kerana mendapati Arkih Negara Cawangan Utara di Alur Setar,mempunyai rekod-rekod Kerajaan Kedah semasa di bawah pemerintahan Siam,1943 - 1945. Oleh itu saya berharap dengan terciptanya hasil kajian ini akan dapat menambahkan lagi bahan-bahan rujukan tentang pentadbiran Thai ini.

Bagi melengkapkan kajian ini saya telah menemuramah terhadap orang-orang yang pernah merasai kejadian ini. Kebanyakan mereka hidup dan merasai penderitaan semasa Perang Dunia Kedua dan di bawah pentadbiran Thai. Oleh itu segala peristiwa yang berlaku masih segar dalam ingatan mereka. Dengan itu mereka dapat menceritakan dengan tepat tanpa tokok tambah.

PEMBAHAGIAN ISI.

Kajian saya melibatkan tiga bahagian atau bab supaya susunannya menjadi lebih lengkap dan teratur:

Bab 1 - menerangkan tentang politik Negeri Kedah sebelum tahun 1943 dan juga proses penyerahan Negeri Melayu Utara termasuk Kedah kepada Thai pada tahun 1943.

Bab 2 - bahagian ini menerangkan tentang pentadbiran Thai di Kedah. Apakah tindakan yang dilakukan oleh kerajaan Thai terhadap pentadbirannya di Kedah.

Bab 3 - bab ini pula memberi perhatian terhadap kelemahan pentadbiran Thai dalam masa 25 bulan memerintah Kedah.

BAB 1.

HUBUNGAN NEGERI KEDAH DENGAN THAI SEBELUM 1943.

Sejarah kedatangan orang-orang Thai ke Kedah bermula sejak tahun 1456 lagi. Pada masa itu Kedah telah dijadikan sebagai " Sub headquarters " selama 15 tahun sebagai tempat untuk mengumpul dan menghantar bekalan makanan bagi kegunaan tentera Thai di Semenanjung Tanah Melayu.¹ Ada di antara tentera Thai ini yang merasa ghairah untuk terus menetap di Kedah dan menukar haluan hidup sebagai petani. Di kalangan golongan inilah yang telah menghasilkan zuriat orang-orang tempatan Thai hingga kini.

Sejak dari itu Kedah sentiasa di bawah perhatian Thai dan sebagai mengakui pertuanan Thai, Kedah dikehendaki menghantar bunga emas². Thai merasakan Negeri Kedah sangat berkepentingan kepadanya kerana Kedah kaya dengan hasil ekonomi seperti beras dan bijih.

-
1. Ketika itu tentera Thai menyerang negeri Melaka. Lihat Mohammad Khan G., History of Kedah, Pulau Pinang, 1958. m.s 35
 2. Muhammad Hassan Dato' Kerani Muhammad Arshad, Al - Tarikh Salasilah Negeri Kedah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1968, m.s 190. Pada tahun 1897, Kedah menghantar bunga emas dan sebagai balasan raja Thai memberi ganjaran sebanyak 800 gantang beras lihat Mohammad Khan G., Op Cit. m.s 44.

Terdapat hubungan diplomatik yang baik di antara dua buah negara ini. Pembangunan di Thai telah dijadikan sebagai rujukan untuk membangunkan negeri Kedah terutama dari aspek ekonomi dan sosial³. Disamping itu apabila berlakunya krisis politik dalam negeri Kedah maka Thai telah dijadikan sebagai tempat untuk menyelesaikan masalah⁴. Ini menunjukkan betapa besarnya pengaruh Thai di kalangan elit-elit Kedah.

Di kalangan Sultan Kedah, Sultan Abdul Hamidlah yang mula-mula sekali menggunakan model pembangunan dari Thai untuk memajukan Kedah. Ini kerana pada waktu itu Thai sedang berada di kemuncak modernisasi. Banyak jalan-jalan raya, perkhidmatan telegraph, pembinaan pejabat pos di sekitar Alur Setar ditiru dari Siam. Malahan kerajaan negeri Kedah mula menggunakan setem Thai sebagai langkah pertama untuk memudahkan komunikasi⁵.

Hubungan antara Kedah dan Thai menjadi semakin rapat apabila Thai menawarkan pinjaman sebanyak \$ 2,600,000.00 (Dua million enam ratus ribu ringgit) kepada sultan Kedah .

-
3. Mat Kassim bin Abdul Majid, "Sultan Abdul Hamid Shah (1864 - 1945) Pengasas Kedah Modern," Lindungan Bulan, Majalah Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Kedah, 9 Nov. 1981 m.s 14.
 4. Ibid, m.s 6.
 5. Ibid, m.s 19.

Dalam proses pinjaman ini, nampaknya Sultan lebih menaruh kepercayaan kepada Inggeris untuk mengendalikannya⁶. Hal ini mungkin berlaku kerana Inggeris pandai mengambil hati samada terhadap raja Kedah atau Raja Thai. Di samping itu waktu ini Inggeris sedang menjalankan dasar berbaik-baik dengan Kedah dan Thai bagi menjamin kedudukannya di Kedah dan Thailand. Peluang inilah yang digunakan bagi menimbulkan kepercayaan di kalangan dua pihak ini.

Walau bagaimanapun corak perhubungan antara Kedah dan Thai tidak kekal lama. Desakan Inggeris terhadap Thai memaksa rajanya menyerahkan negeri Kedah kepada Inggeris. Dengan termetrinya Perjanjian Bangkok pada tahun 1909 berpindahlah Kedah dari tangan Thai ke tangan Inggeris⁷. Ini bermakna naungan Thai ke atas Kedah sudah tamat.

-
6. Urusan pinjaman wang ini dikendalikan oleh Mr. Hart. Wang ini digunakan untuk menyambut pesta perkahwinan anakanda-anakanda Sultan Kedah. Peristiwa ini berlaku pada 1905 lihat Syed Mohammad bin Syed Hassan Shahabudin & M.G Knowles, "The Three Million Dollar Wedding ", Malaya In History, Vol. IV, Julai 1958.m.s 12.
 7. Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad, Op. Cit. m.s 259.

CORAK PENTADBIRAN KEDAH SEHINGGA 1943.

Sebelum Kedah diperintah semula oleh Thai pada tahun 1943, Kedah terletak di bawah pentadbiran Inggeris. Dari itu Inggeris cuba memodenkan pentadbiran Kedah selaras dengan kehendaknya sejak Thai menyerahkan pertuannannya pada 1909⁸.

Corak pentadbiran Kedah kian matang di bawah pemerintahan Sultan Abdul Hamid (1882 - 1943). Dengan direstui oleh Thai dan Inggeris, pada 29 Julai 1905, baginda telah menukuhkan Council Negeri yang pertama⁹. Sehingga tahun 1914 pentadbiran Kedah didapati lebih tersusun, beberapa jabatan penting telah ditubuhkan¹⁰. Semasa ini Kedah telahpun di bawah pentadbiran Inggeris.

-
8. Rupert Emerson, Malaysia (Satu Pengkajian Dalam Pemerintahan Secara Langsung dan Tidak Langsung), Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, 1974, m.s 276.
 9. Menerangkan anggota 'Council Negeri' yang pertama terdiri daripada Tunku Ibrahim yang kemudiannya dilantik menjadi Regent, Tunku Abdul Aziz (Raja Muda dan Presiden Council Negeri), W.J.F Williamson (Penasihat kewangan yang dikirim oleh Siam) Hj Ahmad (Hakim Besar) dan Cik Mohammad Griffin (Setiausaha Kerajaan) lihat Mat Kaswim Abdul Majid, Op. Cit. m.s 10.
 10. M.A Fawzi Basri, " Kerajaan Negeri Melayu Tidak Bersekutu tahun 1914 : Satu Perbandingan Mengenai Perjawatan dan Organisasi Pentadbiran ", Malaya In History, Vol. XXI, Bil 1, Jun 1973, m.s 54.

Sebenarnya rakyat tempatan tidaklah begitu memainkan peranan penting di dalam pentadbiran kerana banyak jawatan penting disandang oleh pegawai-pegawai Inggeris. Jika adapun mereka hanya menguasai di bidang kehakiman dan polis negeri sahaja.

Di samping tertubuhnya 'State Council' pada tahun 1914 juga telah ditubuhkan 'Executive Council' dan Jemaah Menteri¹¹. Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa organisasi pentadbiran Kedah menjadi lebih sempurna dengan adanya campur tangan dari pihak Inggeris¹². Tujuan Inggeris berbuat demikian ialah untuk memudahkan pentadbirannya di Kedah. Walau bagaimanapun 'State Council' ini dapat dikatakan lebih merupakan sebagai tempat mendaftarkan secara resmi akan ketetapan yang diambil dari tempat lain¹³.

11. Ibid, m.s 54.

12. Sila lihat lampiran 1.

13. Rupert Emerson, Op. Cit. m.s 302.

Pergolakan politik antarabangsa sedikit sebanyak menjasaskan kedudukan elit-elit Kedah. Inggeris pula seboleh-bolehnya mahu mengekalkan kuasanya di Kedah. Lantaran itu pada tahun 1923 satu perjanjian telah ditanda tangani antara Inggeris dengan Sultan Kedah¹⁴. Di dalam perjanjian ini jelas menerangkan bahawa kuasa Sultan Kedah semakin berkurang kerana Inggeris tidak membenarkan Sultan mencampuri dalam hal urusan politik kecuali dalam urusan agama dan adat istiadat saja. Sultan juga harus menerima seorang Penasihat Inggeris. Walaupun syarat-syarat perjanjian ini terlalu 'kasar' tetapi Sultan Abdul Hamid terpaksa menerimanya juga demi menjaga kepentingan zuriatnya kerana Inggeris mengakui bahawa hanya raja-raja dari keturunan Sultan Abdul Hamid sahaja yang berhak memerintah negeri Kedah¹⁵. Sesungguhnya pengakuan dari Inggeris ini akan mengukuhkan lagi kedudukan Sultan Abdul Hamid.

14. Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Ariffin,Op. Cit
m. s 281 - 282.

15. Pernah berlaku perebutan kuasa antara Sultan Abdul Hamid dengan Tunku Kassim iaitu saudara kepada baginda Sultan pada tahun 1882. Masalah ini selesai apabila dirujuk kepada raja Thai di mana Sultan Abdul Hamid diakui sebagai Sultan yang sah lihat Mat Kassim Abdul Majid,Op. Cit.
m.s 6.

Seterusnya pentadbiran Inggeris di Kedah tergugat sebentar apabila Jepun dapat menawan negeri Kedah pada 19 Disember 1941. Dengan ini bermulalah pula babak baru dalam politik negeri Kedah.

Ternyata Jepun telah merombak segala sistem pentadbiran yang sedia ada. Sekiranya pentadbiran Inggeris lebih mengabaikan anak watan maka ini berbeza pula dengan sikap Jepun. Kebanyakan jawatan diberi kepada pembesar dan anak-anak raja¹⁶. Tujuan Jepun berbuat demikian ialah untuk menarik sokongan daripada pembesar dan rakyat tempatan. Bagi memudahkan lagi pentadbirannya beberapa jabatan ditubuhkan¹⁷. Walau bagaimanapun pemerintahan Jepun juga tidak kekal lama kerana pada 18 Oktober 1943, Kedah diserahkan kepada Thai sebagai mengisi syarat perjanjian yang dibuat pada 21 Disember 1941¹⁸.

-
16. Di antara mereka yang memegang jawatan penting seperti Tunku Kasim yang menjadi D.O Kota Setar, Tunku Abdullah menjadi D.O Kuala Muda, Tunku Muhammad Jiwa menjadi Comproller of Monopolies & Customs lihat Mohammad Khan G. Op. Cit. m.s 147.
 17. Sila lihat lampiran 2.
 18. Dalam perjanjian tersebut Jepun berjanji akan mengembalikan semula wilayah yang hilang kepada Thai tetapi dengan syarat Thai mesti membantu Jepun iaitu memberi jalan kepada Jepun untuk datang ke Tanah Melayu lihat Thamsook Numnonda, Thailand and The Japanese Presence 1941 - 1945, Singapore Institiut of South East Asian Studies, 1977, m.s 2-4.

PROSES PENYERAHAN NEGERI KEDAH KEPADA THAI PADA 1943.

Setelah Jepun memerintah negeri Kedah selama 9 bulan satu perubahan besar telah berlaku di dalam politik negeri Kedah. Dengan tidak disangka-sangka Jepun menyerahkan pentadbiran Kedah kepada Thai tetapi tentera Jepun masih lagi menguasai dalam hal ekonomi dan keselamatan.

Terdapat beberapa sebab yang mendorong Jepun menyerahkan pentadbiran kepada Thai. Antaranya ialah kerana Jepun sedar akan kekuatan tenteranya yang semakin lemah akibat tekanan daripada pihak Berikut. Walaupun serangan Jepun ke atas Pearl Harbour di Hawaii merupakan satu kemenangan yang besar tetapi ia lebih merupakan satu kesilapan psikologi kerana secara langsung ia telah menyatukan penduduk Amerika yang telah berbelah bagi mengenai masalah mengambil bahagian dalam perang di Eropah dan di Asia memberi keazaman kepada mereka menentang Jepun¹⁹.

Kelemahan tentera Jepun semakin ketara, kekalahan demi kekalahan yang dialaminya misalnya pada tahun 1942, tentera Amerika berjaya menghalang kemaraan tentera Jepun di Midway dan di Guadakanal kerana Jepun kekurangan makanan dan bahan api²⁰.

19. Edwin O.Reischaver,Jepun Dahulu dan Sekarang, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, 1970, m.s 195.

20. Ibid, m.s 196.

Jepun juga telah gagal mencapai matlamat slogan 'Asia Untuk Asia' dengan harapan orang-orang Asia Tenggara menghapuskan kebudayaan barat, tidak mendapat simpati daripada rakyat yang dijajahinya²¹. Keadaan ini berlaku kerana rakyat tempatan sudah bosan dengan pentadbiran Jepun yang kejam dan ganas.

Demi menjaga hati dan perasaan Thai, Jepun mengambil ketetapan menyerahkan negeri Kedah di samping Perlis, Kelantan dan Terengganu kepada Thai dipersidangan resmi Maharaja pada 31 Mei 1943²². Tujuan utama penyerahan ini ialah untuk mengurangkan kawasan pemerintahan supaya tenaga tentera Jepun boleh digunakan bagi kempen di Burma.²³ Penyerahan ini juga berlaku kerana Jepun merasa terhutang budi kepada Thai di atas bantuan sokongan dan kerjasama yang telah diberikan dalam usaha untuk menakluki Tanah Melayu²⁴.

21. Mohd Yusof Hassan," Implikasi Pemerintahan Jepun ", Cenderamata Minggu Sejarah Kedah 1975, 11 - 18 Oktober 1975 m.s 10.

22. F.C Jones, Japan's New Order in East Asia : Its Rise and Fall 1937 - 1945, London, Oxford University Press 1954, m.s 349.

23. Cheah Boon Kheng," Social Impact of The Japanese Occupation of Malaya 1942 - 1945 !! dalam Southeast Asia Under Japanese Occupation, 1980, m.s 9.

24. Ibrahim Ismail, Catitan Kedah, tanpa tahun (naskah ini didapati daripada Arkib Negara Cawangan Utara di Alur Setar)

Selain dari itu Kedah diserahkan semula kepada Thai adalah sebagai membuktikan bahawa Jepun adalah satu bangsa yang menepati janji. Jepun juga berazam memberitahu dunia bahawa niatnya adalah baik. Sebelum ini Jepun memandang Inggeris mengambil negeri Kedah dengan jalan tipu helah. Jadi tindakan Jepun ini adalah sebagai untuk membuktikan keadilannya dan betapa tidak adilnya Inggeris.

Di dalam istiadat Shina Jiken Kinenbi yang diadakan pada 7 Julai 1943, Cokan Kakka Sukigawa Seiji dengan penuh sayu mengistiharkan bahawa negeri Kedah diserahkan kepada Thai dan satu perjanjian penyerahan ini ditanda tangani di Bangkok di antara duta Jepun di Thailand iaitu Teiji Tsubukami dengan Perdana Menteri Thai iaitu Phibul Songram²⁵.

Selepas 60 hari dari tarikh perjanjian itu dimetrikan maka pada 18 Oktober 1943 istiadat penyerahan bagi Negeri Kedah diadakan di Padang Court pada hari Isnin jam 10⁰⁰ pagi²⁶.

Peristiwa bersejarah ini telah disaksikan oleh DYMM Sultan Badlishah iaitu sultan Kedah yang memerintah pada waktu itu, DYMM Raja Perlis Syed Hamzah Jamalullail dan Cokan Kakka²⁷.

25. Ibid, m.s 175.

26. 16.10.2603 dalam Sec 243 / 2603. (1943)

27. Ibrahim Ismail, Op. Cit. m.s 177.

Tepat pukul 12⁰⁰ tengah malam, bendera Jepun (bendera Hino Maru) telah diturunkan. Selaras dengan pemerintahan Thai maka dari saat itu jam diubah mengikut waktu Bangkok²⁸.

Pada pukul 9⁰⁰ pagi waktu Bangkok, 19 Oktober 1943 (19.10.2487) istiadat menaikkan bendera Thai telah diadakan, sambil itu lagu Kebangsaan Thai iaitu Praktek Thai dinyanyikan.

Pada 20 Oktober 1943 (20.10.2487) Cokan Kakka dan tentera-tenteranya meninggalkan Kedah kerana tempat mereka akan diisi oleh pegawai Thai. Walau bagaimanapun tempat-tempat penting masih lagi dikuasai oleh tentera Jepun, dalam hal ekonomi dan keselamatan masih di bawah jagaan tentera Jepun²⁹.

28. Ibid, m.s 177.

29. Mohd Yusof Hassan, Op. Cit. m.s 22.